

# PALAPES Laut UMS

► Unit pertama ditubuhkan di Sabah dan Sarawak

UB 24.11.2012 A2

Oleh YAP SIONG HAN  
sionghan\_yap@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** PALAPES Laut Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah unit yang pertama ditubuhkan di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Mohammed Noordin Ali berkata dengan penubuhan itu, maka Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kini mempunyai 10 buah unit PALAPES Laut di seluruh Malaysia.

“Program Palapes-Laut UMS bermula pada 19 Julai 2010 apabila TLDM telah menerima permohonan rasmi dari UMS bagi penubuhan

“ Dengan penubuhan itu, maka Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kini mempunyai 10 buah unit PALAPES Laut di seluruh Malaysia. ”

**LAKSAMANA MADYA DATUK MOHAMMED NOORDIN ALI**  
Timbalan Panglima Tentera Laut

itu.

“Perbincangan telah dibuat di Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke-508 yang bersidang pada 27 Oktober tahun lalu telah meluluskan penubuhan itu,” katanya ketika merasmikan Majlis Pelancaran PALAPES Laut UMS di sini kelmarin.

Beliau berkata, unit itu diwujudkan berdasarkan kesedaran dan kepercayaan

bahawa para mahasiswa yang berkelayakan boleh dijana menjadisumber utamamodal insan yang bukan sahaja berkelulusan akademik tetapi boleh menyumbang kepada mana-mana organisasi sebagai seorang anggota yang berdisiplin, patriotik dan berkemahiran yang pelbagai.

Menurutnya, TLDM juga mensasarkan beberapa

manfaat dengan program Palapes-Laut antaranya melahirkan satu kumpulan pemimpin yang versatil mempunyai tahap disiplin, keupayaan kemahiran insaniah serta sikap bertanggungjawab yang tinggi.

“Senario terhadap peningkatan ancaman bukan tradisional dan asymmetrical telah menjadikan pasukan simpanan TLDM menjadi lebih relevan sebagai benteng kedua pertahanan negara.


“Latihan serta aset untuk melatih pasukan simpanan sukarela TLDM akan terus dipertingkatkan. Oleh itu, TLDM telah memperuntukkan skuadron kapal ronda pasukan simpanan sebagai platform latihan.

“Skuadron ini terdiri daripada dua buah kapal jenis patrol Craft iaitu Kapal Diraja Sri Perlis dan Kapal Diraja Sri Johor,” katanya.

Menurutnya, pengoperasian kapal-kapal itu ditunjangi oleh gabungan keanggotaan tetap TLDM dan anggota pasukan simpanan TLDM.

Katanya, anggota tetap TLDM mengisi 15 peratus perjawatan bagi setiap kapal manakala baki 75 peratus lagi adalah anggota sukarela.

Beliau juga memaklumkan bahawa TLDM akan memperolehi dua buah kapal latihan menjelang tahun 2014 yang bakal digunakan untuk melatih bukan sahaja angkatan tetap, malah angkatan sukarela.



**NOORDIN (tengah)** menandatangani plak perasmian sebagai tanda rasminya Unit PALAPES Laut UMS sambil diperhatikan oleh Naib Cancellor UMS, Kapt (K) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah (kiri) dan Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Muda Datuk Pahlawan Mohammad Rosland Omar (kanan).